

KERAJAAN KEKAL SYARAT LULUS BM LANTIKAN PEGAWAI PERUBATAN KONTRAK

(FOTO SAHILLIZAN TAMADI/BIH)



Noor Azlan (tengah) beramah mesra dengan ahli panel Shamsul Amri (dua dari kiri), Mohamad (kanan), Supyan dan Arvend pada program Bicara Persada bertajuk Penguasaan Bahasa Melayu Dalam Sektor Awam: Boleh Dikompromi? di UKM Bangi, semalam.

## Kegagalan hayati Perkara 152 Perlembagaan punca polemik

⊕ Guna isu bahasa raih kepentingan politik keruhkan penggunaan BM dalam sektor awam

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman  
wananwar@bh.com.my

► Bangi

**K**egagalan pegawai tertinggi kerajaan menghayati Perkara 152 Perlembagaan antara punca berlaku polemik penggunaan BM dalam perkhidmatan awam di negara ini.

Selain itu, ketiadaan indeks pengukur penggunaan Bahasa Melayu (BM) di agensi kerajaan, kementerian dan sikap enggan merujuk kepada pakar bahasa turut menyumbang kepada permasalahan itu.

Kecenderungan pihak tertentu, termasuk ahli politik menggunakan isu bahasa untuk meraih kepentingan politik juga mengeruhkan lagi isu penggu-

naan BM, termasuk dalam perkhidmatan awam.

**Polemik tak harus berlaku**

Itu adalah isu berkaitan BM yang dibangkitkan ahli panel pada program Bicara Persada bertajuk Penguasaan Bahasa Melayu Dalam Sektor Awam: Boleh Dikompromi? di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini, semalam.

Seorang ahli panel, Presiden Kolej Universiti Cyberjaya, Prof Datuk Dr Mohamad Abdul Razak, berkata polemik dalam isu kelonggaran syarat lulus BM tidak harus berlaku kerana kedudukannya dalam Perlembagaan sudah jelas.

"Masalah ini timbul apabila pegawai tertinggi seperti tidak faham Perlembagaan," katanya.

Program berkenaan dirasmikan oleh Naib Canselor UKM,

Prof Datuk Seri Dr Noor Azlan Ghazali.

Ahli panel yang lain ialah Pengarah Institut Kajian Etnik UKM, Prof Datuk Dr Shamsul Amri Baharuddin; Pengarah Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) UKM, Prof Dr Supyan Hussin dan Timbalan Presiden Majlis Perwakilan Pelajar UKM, A Arvend.

Arvend pula berkata, masyarakat di Malaysia perlu menerima hakikat bahawa BM bukan khusus untuk bangsa Melayu sahaja, ia juga bahasa untuk semua bangsa kerana BM diangkat martabatnya sebagai bahasa kebangsaan.

"Berdasarkan pengalaman saya ketika di luar negara, seperti Brazil, Laos, Turki dan Indonesia, mereka berbangga menggunakan bahasa ibunda mereka," katanya.

## Perkasa BM sebelum diambil alih bahasa Inggeris

**Bangi:** Kerajaan perlu memikirkan cara berkesan bagi memastikan Bahasa Melayu (BM) terus diperkasakan dalam sektor awam supaya peranannya tidak 'diambil alih' secara senyap oleh bahasa Inggeris (BI).

Pengarah Bahagian Penerbitan Dasar Negara, Jabatan Penerangan Malaysia, Ariah Judah, berkata beliau sendiri melihat bagaimana bahasa Inggeris digunakan secara berleluasa di beberapa kementerian ketika bertugas sebagai pegawai perhubungan awam sebelum ini.

"Ini realiti dalam sektor awam. Jarang mesyuarat pengurusan diadakan dalam BM, malahan temu duga bagi kenaikan pangkat juga dilakukan dalam bahasa Inggeris.

**Tak ramai mahu martabat BM**

"Keadaan ini sememangnya menyedihkan. Tidak ramai yang mahu memartabatkan BM dan bagi saya keadaan ini boleh berubah jika ada kemahuan yang tinggi di kalangan mereka di atas bagi memartabatkan bahasa Melayu," katanya selepas menghadiri Bicara Persada bertajuk Penguasaan Bahasa Melayu dalam Sektor Awam: Boleh Dikompromi? di UKM, semalam.

Ariah berkata, kerajaan perlu tegas memastikan BM dimartabatkan kerana hanya penguatkuasaan yang tegas akan membolehkan ia dilaksanakan.

"Saya pernah berkhidmat dengan Tan Sri Dr Rais Yatim ketika beliau menerajui sebuah kementerian sebelum ini dan ketika itu semua dokumen usul dalam bahasa Inggeris akan dikembalikan dan diminta dibuat dalam BM.

"Ketegasan dalam pelaksanaan dasar itu tidak menyebabkan rungutan daripada mereka yang berurusan dengan kementerian, sebaliknya ia membolehkan BM terus dimartabatkan," katanya.

Sementara itu, Timbalan Presiden Persekutuan Linguistik Malaysia (PLM), Kamal Shukri Abdullah Sari mahu Kabinet mengambil langkah sama dalam isu Program Dwibahasa (DLP) sekolah.

Katanya, isu DLP lebih besar dan wajar ditangani dengan segera kerana ia akan menghancurkan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu.

## Kaji tahap penggunaan BM dalam khidmat awam

**Bangi:** Kajian menyeluruh tahap penggunaan Bahasa Melayu (BM) dalam perkhidmatan awam perlu dilakukan bagi menilai sejauh mana ia digunakan secara rasmi dalam agensi kerajaan dan kementerian.

Pengarah Institut Kajian Etnik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Dr Shamsul Am-

ri Baharuddin, berkata ketika ini tiada kajian ilmiah khusus dilakukan untuk menilai penggunaan dan penguasaan BM dalam agensi kerajaan.

"Kajian ini perlu supaya tidak lagi timbul isu penggunaan BM, termasuk syarat wajib dalam menentukan pengesahan jawatan dalam perkhidmatan kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian pada program Bicara Persada bertajuk Penguasaan Bahasa Melayu Dalam Sektor Awam: Boleh Dikompromi? di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), anjuran UKM, semalam.

**Syor ATMA ketua kajian**

Shamsul turut mencadangkan ATMA dilantik untuk mengetuai ka-

jian itu, disusuli membuat indeks penggunaan BM dalam perkhidmatan awam.

Katanya, menerusi indeks itu, ATMA akan dapat mengenal pasti tahap penggunaan BM dalam agensi dan kementerian, sekali gus memantau pelaksanaan dan memberi khidmat nasihat.

Sementara itu, Supyan berkata,

ATMA akan menjalankan kajian penggunaan BM dalam kementerian dan agensi kerajaan bagi menilai sejauh mana ia digunakan dalam perkhidmatan kerajaan.

"Kami akan memulakan kajian di Selangor; khususnya pada peringkat pihak berkuasa tempatan (PBT) yang dijangka sebelum akhir tahun ini," katanya.